

Kesayno of The Week Diadakan Secara Maya

Oleh Nur Aqilah Husna Binti Mohd Hussin, 1180393

NILAI: Menerapkan situasi norma baharu, Kesayno of The Week diadakan secara maya, anjuran Nadi Thaqafah di bawah Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), bermula 31 Disember 2020.

Exco Kesenian dan Inovasi Nadi Thaqafah, Eimran Harith Fadzilah, 22, berkata, program yang julung-julung kali diadakan itu dilaksanakan sepenuhnya secara atas talian menggunakan platform digital yang terkini seperti *Facebook* dan *Instagram*.

“Program secara digital ini, menumpukan dan memberi peluang keterlibatan kepada semua pelajar FPBU dari tahun satu sehingga tahun empat untuk menyertai dan mengikuti perkembangan program tidak kira di mana sahaja mereka berada.

“Pandemik ini telah menjadikan program ini dan kebanyakan program lain, dijalankan secara digital serta tidak memerlukan pematuhan kepada prosedur operasi standard dan penjarakkan fizikal,” katanya.



Eimran Harith Fadzilah

Farisa Hanis Mohd Hazeyhan

Bagi Timbalan Pengarah Program, Farisa Hanis Mohd Hazeyhan, 21, berkata program yang hanya melibatkan perkongsian video dalam platform media sosial daripada para peserta berkaitan kesenian, tidak sama sekali melibatkan sentuhan fizikal secara langsung mahupun tidak langsung dan bertetapan dengan konsep program secara digital.

Menurutnya, wujud keperluan program diadakan melalui platform digital seperti *YouTube*, dan itu menjadi sebab platform *Instagram*, *Facebook* dan *YouTube* rasmi Nadi Thaqafah digunakan oleh pihak penganjur dan para peserta yang akan terlibat.

“Program yang diadakan secara maya dengan memuat naik video para peserta pada hari Khamis setiap minggu antara 31 Disember 2020 sehingga 1 April 2021 melalui platform digital yang ditetapkan dan diyakini selamat untuk semua.

Bertemakan kebudayaan dan kesenian, Farisa berkata, program ini akan mengetengahkan pelbagai bentuk kesenian dan hanya terbuka kepada pelajar FPBU disamping dapat mengisi masa lapang dengan mengkaji serta berkongsi ilmu tentang kesenian dan juga mengasah bakat komunikasi mereka.



Gambar Hiasan

“Walaupun format program bersifat maya, objektif utama untuk setiap peserta berkongsi dan mendapatkan ilmu baharu setiap minggu tetap akan dilaksanakan dan terdapat pelbagai teknologi maju yang dapat membantu dalam pelaksanaan program terhadap perkongsian pengetahuan,” katanya dalam temu ramah yang diadakan melalui aplikasi *Microsoft Team*.

Katanya, sebagai ahli jawatankuasa tertinggi bagi program itu, dia mengharapkan program yang berjalan dengan lancar dan dapat memberi manfaat kepada setiap pelaksana program disamping membantu para pelajar untuk mengetahui dan mendapat pengetahuan baru yang dapat dipraktikkan pada masa akan datang.